

Soalan Lazim

Apakah yang dimaksudkan dengan Menteri Kewangan (Diperbadankan)?

- i. Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] adalah suatu pertubuhan perbadanan (*body corporate*) yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 [Akta 375].
- ii. Akta 375 memberi kuasa kepada MKD menyertai kontrak, memperoleh, memindah milik, mengambil dan memegang segala harta alih dan harta tidak alih.
- iii. MKD merupakan salah satu entiti pelaburan Kerajaan yang mempunyai kawalan kepentingan ke atas syarikat yang dilabur.

Apakah matlamat pelaburan MKD?

Pelaburan MKD adalah berasaskan tujuan utama berikut:

- i. Menerajui pelaburan strategik bagi pembangunan negara;
- ii. memenuhi jurang pasaran (*market gap*) di dalam bidang-bidang berimpak tinggi, berteknologi tinggi serta melibatkan modal permulaan besar yang tidak mampu diceburi oleh pihak swasta;
- iii. Melaksanakan obligasi sosial meliputi penyediaan kemudahan awam kepada rakyat seperti perkhidmatan pengangkutan awam dan utiliti yang memberi impak kepada sosioekonomi negara;
- iv. Memaksimumkan impak pelaburan yang memberi pulangan seterusnya membantu pembangunan ekonomi dan peningkatan kualiti kehidupan rakyat.
- v. Menarik pelaburan tempatan dan asing dalam bidang khusus termasuk teknologi digital dan tenaga boleh baharu

Apakah senarai Syarikat MKD?

[Senarai Syarikat MKD](#)

Apakah Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC)?

GLIC adalah entiti pelaburan Kerajaan Persekutuan, yang memiliki kawalan kepentingan melalui pelaburan di dalam syarikat yang dilabur (GLC). GLIC terdiri daripada tujuh entiti seperti berikut:

- i. Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD)
- ii. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- iii. Permodalan Nasional Berhad (PNB)
- iv. Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)
- v. Khazanah Nasional Berhad (Khazanah)
- vi. Lembaga Tabung Haji (TH)
- vii. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)

Apakah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)?

GLC merupakan syarikat yang dilabur dan di bawah kawalan GLIC atau Badan Berkanun yang objektif utamanya adalah lebih tertumpu kepada menjalankan aktiviti bersifat komersial.

Apakah kaedah pemantauan terhadap prestasi syarikat-syarikat MKD

MKD memantau prestasi syarikat-syarikatnya melalui Laporan *Pencapaian Key Performance Indicators (KPI)* serta Prestasi Kewangan secara berkala.

Apakah rujukan utama syarikat MKD dan Ahli Lembaga Pengarah dalam mengukuhkan tadbir urus?

Rujukan utama bagi pengukuhan tadbir urus meliputi Akta Syarikat 2016, Garis Panduan Tadbir Urus dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] 2024, Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2023 dan peraturan serta surat arahan yang dikeluarkan oleh MKD dari semasa ke semasa.

Adakah syarikat-syarikat MKD terikat kepada sebarang obligasi antarabangsa

Syarikat MKD sebagai *state trading enterprise (STE)* tertakluk kepada pemakaian Artikel xvii – Perjanjian *General Agreement on Tariff and Trade (GATT)* 1994 di bawah *World Trade Organization (WTO)*. Selain itu, syarikat MKD juga perlu mematuhi obligasi yang digariskan di bawah Bab 17: *State Owned Enterprises and Designated Monopolies* perjanjian *Comprehensive and Progressive for Trans-Pacific Partnership Agreement (CPTPP)* .